

SIARAN MEDIA

Peserta TUBE jana RM135.7 juta jualan

Kuala Lumpur, 30 September 2021– Seramai 6,268 peserta Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) di seluruh negara berjaya mencatat nilai jualan sebanyak RM135.7 juta sejak program ini dilaksanakan enam tahun lalu.

YB Tan Sri Noh Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, selepas Majlis Perasmian TUBE 8.0 hari ini berkata, “Sehingga kini, daripada 6,268 ini, seramai 5,643 daripada usahawan belia telah berjaya diwujudkan di seluruh negara berdasarkan perniagaan yang diusahakan”.

Menurut beliau, pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), melalui agensinya, SME Corp. Malaysia, sentiasa memantau prestasi serta kemajuan alumni peserta TUBE ini.

Tambah beliau, sejak program ini dilancarkan pada tahun 2014 sehingga Julai 2021, sejumlah RM135.7 juta nilai jualan terkumpul telah berjaya dihasilkan daripada perniagaan yang dijalankan oleh usahawan belia daripada program TUBE ini.

Ujar beliau, 90 peratus punca pendapatan adalah melalui perniagaan dan mampu meningkatkan sosioekonomi belia bumiputera disamping dapat membantu mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Ini jelas terbukti di mana program ini telah berjaya mewujudkan sebanyak 10,757 peluang pekerjaan, termasuk untuk peserta Program itu sendiri.

Beliau juga berkata, “Saya sememangnya komited dalam agenda negara melahirkan usahawan graduan dan mewujudkan Bangsa Usahawan dalam kalangan graduan. Sebagai bukti komitmen saya dalam hal ini, inisiatif untuk menjadikan graduan sebagai

usahawan telah saya letakkan sebagai salah satu KPI di bawah Kementerian ini. Sasaran saya adalah untuk menjadikan 160 graduan universiti sebagai usahawan. Justeru, saya melihat Program TUBE@IPT sebagai satu inisiatif yang amat relevan serta bertepatan dalam mencapai aspirasi ini.

Turut diadakan pada hari ini adalah Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) di antara SME Corp. Malaysia bersama 8 universiti awam tempatan iaitu Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), International Islamic University Malaysia (IIUM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) serta Human Resource Development Corporation (HRD Corp) bagi penganjuran program TUBE@IPT.

Menteri Pengajian Tinggi, YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad berkata “sinergi di antara kedua Kementerian ini bertujuan memberi pendedahan kepada graduan dan siswazah mempelajari langkah-langkah yang diperlukan untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya”.

Beliau mengulas bahawa kerjasama ini dilihat akan dapat mengalakkan pemikiran kreatif di kalangan graduan dan siswazah, termasuk memberikan pendedahan kepada dunia perniagaan yang sebenar.

Tambah beliau, “selain daripada membudayakan keusahawanan di kalangan graduan, program ini akan dapat membantu menangani isu pengangguran di kalangan para graduan universiti di seluruh negara, khususnya di dalam keadaan ekonomi negara yang mencabar semasa pandemik COVID-19 ini.”

Pengerusi SME Corp. Malaysia, YBhg Dato’ Sri Syed Hussien Al Habshee, memaklumkan bahawa kolaborasi di antara lapan (8) Universiti dan HRD Corp bagi program TUBE@IPT ini merupakan projek perintis (pilot) yang mana ianya akan dikembangkan ke universiti awam dan institusi pengajian tinggi lain dalam negara, bergantung kepada dana sedia ada. Selain itu, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) turut memainkan peranan di dalam menjayakan program ini dengan

menyalurkan bantuan pembiayaan lanjut kepada peserta selepas fasa sistem *Buddy* khususnya dalam sektor pemborongan dan peruncitan.

Menurut beliau, inisiatif TUBE@IPT adalah salah satu usaha bagi menonjolkan bahawa bidang perniagaan dan keusahawanan sebagai satu pilihan utama graduan selepas tamat pengajian mereka. Projek ini juga merupakan satu inisiatif Kerajaan bagi menangani isu pengangguran di kalangan graduan yang meningkat kebelakangan ini akibat penguncupan ekonomi oleh COVID-19.

Selain itu, inisiatif TUBE@IPT ini menjadikan graduan dan siswazah agar lebih terbuka dalam membina masa depan dengan tidak hanya mengejar jawatan dalam sektor korporat mahupun sektor awam. Dengan ini, kita akan mengubah cara pemikiran mereka untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai satu cabang utama kerjaya pasca graduasi, sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada bidang 'makan gaji' yang semakin mengecil.

Majlis pada hari ini telah disempurnakan secara dalam talian oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi bersama YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi. Turut hadir pada majlis ini adalah, YBhg. Dato' Suriani Binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi; YBhg. Dato Seri Dr. Mazlan Yusof, Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi; YBhg. Dato' Sri Syed Hussien Al-Habshee, Pengerusi SME Corp. Malaysia; YBhg, Datuk Seri Jamil Salleh, Pengerusi HRD Corp; YBrs. Encik Rizal Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corp. Malaysia serta Pengerusi dan Naib Canselor Universiti.

- TAMAT -

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasi PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Tingkat 6, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur

Tel : 1300-30-6000
Faks : 603-2775 6001
E-mail : info@smecorp.gov.my
Laman web : www.smecorp.gov.my

Untuk maklumat lanjut berkaitan Program TUBE ataupun sebarang pertanyaan berkaitan program atau inisiatif SME Corp. Malaysia, sila hubungi:

Pn. Raja Rozaila bt Raja Azman

Pengarah,

Bahagian Komunikasi Strategik

Email : rozaila@smecorp.gov.my

HP : 016 - 332 2121

En. Muhammad bin Ibrahim

Pengurus Kanan

Bahagian Komunikasi Strategik

Email : muhhammad@smecorp.gov.my

HP : 019 - 664 6407